

11 atlet Pahang dapat habuan

Mohd Rafi Mamat
sukanteam@nst.com.my



WAN Rosdy menyampaikan insentif kemenangan kepada Nor Sarah. Kuantan: Atlet olahraga negara, Nor Sarah Adi menjadi penerima terbanyak insentif kemenangan atlet Pahang berupa wang tunai RM6,000 selepas meraih pingat emas dan gangsa pada saingan Sukan Sea Vietnam 2021, bulan lalu.

Atlet kelahiran Maran itu meraih emas dalam acara lompat bergalah dan gangsa acara 4x100 meter.

Nor Sarah berkata, dia bersyukur dengan insentif diterima dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang sentiasa memikirkan kepentingan atlet di semua peringkat.

"Insentif ini diharap menjadi pembakar semangat kepada atlet lain untuk terus berusaha memburu kejayaan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Pengorbanan atlet amat besar kerana bukan mudah untuk memiliki pingat apa juga warna terutama di pentas antarabangsa," katanya.

Dia berkata demikian pada majlis penyampaian insentif kemenangan atlet Pahang disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di Kuala Lumpur, kelmarin.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Mohd Johari Hussain dan Pengarah Majlis Sukan Pahang (MSP), Zamri Hassan.

Mohd Johari berkata, seramai 36 atlet kelahiran Pahang terpilih mewakili kontinjen negara pada temasya Sukan Sea Vietnam 2021 membabitkan sembilan acara.

"Seramai 11 atlet Pahang berjaya membawa pulang tiga emas, satu perak dan enam gangsa. Pingat emas disumbang Nor Sarah, Koi Sie Yan (gimrama) dan Mohd Taqiyuddin Hamid (silat).

"Setiap atlet menerima antara RM1,000 hingga RM6,000 mengikut warna pingat yang diraih," katanya yang berharap lebih ramai lagi atlet Pahang mewakili negara dipentas antarabangsa selepas ini.

"Saya berharap lebih ramai lagi atlet Pahang terpilih mewakili negara pada saingan peringkat antarabangsa, pelbagai bantuan dan kemudahan disediakan kerajaan negeri untuk kemajuan atlet," katanya.

Disiarkan pada: Jun 22, 2022 @ 6:27pm